| 4.1  | Tahap Pencapaian Pembelajaran Domain Psikomotor Murid Menggunakan Instrumen Pentaksiran Ekstensif ( $N = 570$ )                                                               | 168 |
| 4.2  | Tahap Pencapaian Pembelajaran Domain Kognitif Murid Menggunakan Instrumen Pentaksiran Ekstensif ( $N = 570$ )                                                                 | 169 |
| 4.3  | Tahap Pencapaian Pembelajaran Domain Afektif Murid Menggunakan Instrumen Pentaksiran Ekstensif ( $N = 570$ )                                                                  | 171 |
| 4.4  | Tahap Pencapaian Pembelajaran Penaakulan Murid Menggunakan Instrumen Pentaksiran Ekstensif ( $N = 57$ )                                                                       | 172 |
| 4.5  | Tahap Pencapaian Pembelajaran Domain Psikomotor Murid Menggunakan Instrumen Pentaksiran Ekstensif mengikut Jantina ( <i>Lelaki</i> $N = 288$ dan <i>Perempuan</i> $N = 282$ ) | 174 |

|      |                                                                                                                                                                                              |     |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.6  | Tahap Pencapaian Pembelajaran Domain Kognitif Murid Menggunakan Instrumen Pentaksiran Ekstensif mengikut Jantina ( <i>Lelaki N = 288 dan Perempuan N = 282</i> )                             | 176 |
| 4.7  | Tahap Pencapaian Pembelajaran Domain Afektif Murid Menggunakan Instrumen Pentaksiran Ekstensif mengikut Jantina ( <i>Lelaki N = 288 dan Perempuan N = 282</i> )                              | 178 |
| 4.8  | Tahap Pencapaian Pembelajaran Domain Penilaian Murid Menggunakan Instrumen Pentaksiran Ekstensif mengikut Jantina ( <i>Lelaki N = 288 dan Perempuan N = 282</i> )                            | 180 |
| 4.9  | Tahap Pencapaian Pembelajaran Domain Psikomotor Murid Menggunakan Instrumen Pentaksiran Ekstensif mengikut Jenis Sekolah ( <i>SK N = 300, SJK N = 202 dan SJKT N = 68</i> )                  | 183 |
| 4.10 | Tahap Pencapaian Pembelajaran Domain Kognitif Murid Menggunakan Instrumen Pentaksiran Ekstensif mengikut Jenis Sekolah ( <i>SK N = 300, SJK N = 202 dan SJKT N = 68</i> )                    | 186 |
| 4.11 | Tahap Pencapaian Pembelajaran Domain Afektif Murid Menggunakan Instrumen Pentaksiran Ekstensif mengikut Jenis Sekolah ( <i>SK N = 300, SJK N = 202 dan SJKT N = 68</i> )                     | 189 |
| 4.12 | Tahap Pencapaian Pembelajaran Domain Penilaian Murid Menggunakan Instrumen Pentaksiran Ekstensif mengikut Jenis Sekolah ( <i>SK N = 300, SJK N = 202 dan SJKT N = 68</i> )                   | 192 |
| 4.13 | Ujian <i>Box's Test</i> berdasarkan Jantina                                                                                                                                                  | 195 |
| 4.14 | Ujian <i>Levene's Test</i> berdasarkan Jantina                                                                                                                                               | 196 |
| 4.15 | Ujian <i>Multivariate</i>                                                                                                                                                                    | 196 |
| 4.16 | Kesan Ujian antara Subjek                                                                                                                                                                    | 197 |
| 4.17 | Analisis Diskriptif Min dan Sisihan Piawai Perbezaan Domain Psikomotor, Kognitif, Afektif, dan Penilaian (Memukul dan Memadang) berdasarkan Instrumen Pentaksiran Ekstensif mengikut Jantina | 199 |
| 4.18 | Ujian <i>Box's Test</i> berdasarkan Sekolah                                                                                                                                                  | 200 |
| 4.19 | Ujian <i>Levene's Test</i> berdasarkan Sekolah                                                                                                                                               | 201 |
| 4.20 | Ujian <i>Multivariate</i>                                                                                                                                                                    | 201 |
| 4.21 | Kesan Ujian antara Subjek                                                                                                                                                                    | 202 |

|      |                                                                                                                                                                                                     |     |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.22 | Analisis Diskriptif Min dan Sisihan Piawai Perbezaan Domain Psikomotor, Kognitif, Afektif, dan Penaakulan (Memukul dan Memadang) berdasarkan Instrumen Pentaksiran Ekstensif mengikut Jenis Sekolah | 203 |
| 4.23 | Peratus Persetujuan Guru Pendidikan Jasmani Terhadap Penggunaan Instrumen Pentaksiran Ekstensif ( $N=18$ )                                                                                          | 205 |
| 4.24 | Analisis Soalan Terbuka Tahap Persetujuan Guru Pendidikan Jasmani Terhadap Penggunaan Instrumen Pentaksiran Ekstensif dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5                                              | 208 |

## SENARAI RAJAH

| No. Rajah |                                                                                                              | Muka Surat |
|-----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.1       | Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Sistem Pentaksiran                                                      | 2          |
| 2.1       | Kerangka Teoretikal Kajian                                                                                   | 39         |
| 2.2       | Proses Pembentukan Instrumen PE berdasarkan Model ADDIE (Rossett, 1987)                                      | 41         |
| 2.3       | Carta Alir Langkah Pembangunan Instrumen Pentaksiran Ekstensif berdasarkan Morrow et al. (2005)              | 45         |
| 2.4       | Taksonomi Dave (1970)                                                                                        | 51         |
| 2.5       | Taksonomi Bloom Revisi (2001)                                                                                | 57         |
| 2.6       | Taksonomi Krathwohl, Bloom dan Masia (1964)                                                                  | 60         |
| 2.7       | Lapan Langkah Pengajaran Konstruktif                                                                         | 73         |
| 3.1       | Kerangka Konseptual Kajian                                                                                   | 104        |
| 3.2       | Carta Alir Proses Pembangunan Instrumen Pentaksiran Ekstensif                                                | 126        |
| 3.3       | Proses <i>Back to Back Translation</i> Instrumen Pentaksiran Ekstensif berdasarkan Yasman dan Hossein (2013) | 133        |
| 3.4       | Pembentukan Instrumen Pentaksiran Ekstensif berdasarkan Model ADDIE (Rosset, 1987)                           | 134        |
| 5.1       | Model Pentaksiran Ekstensif dalam Pentaksiran Pendidikan Jasmani                                             | 264        |



## SENARAI SINGKATAN

|        |                                                                  |
|--------|------------------------------------------------------------------|
| KPM    | Kementerian Pendidikan Malaysia                                  |
| PPPM   | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia                            |
| FPK    | Falsafah Pendidikan Kebangsaan                                   |
| KSSR   | Kurikulum Standard Sekolah Rendah                                |
| DSKP   | Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran                       |
| PJ     | Pendidikan Jasmani                                               |
| PK     | Pendidikan Kesihatan                                             |
| PAJSK  | Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan dan Kokurikulum               |
| SEGAKE | Ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan untuk Murid Sekolah |
| PS     | Pentaksiran Sekolah                                              |
| PBS    | Pentaksiran Berasaskan Sekolah                                   |
| PBD    | Pentaksiran Bilik Darjah                                         |
| PE     | Pentaksiran Ekstensif                                            |
| TGfU   | Teaching Game for Understanding                                  |
| GPAI   | Games Performance Assessment Instrumen                           |
| KBAT   | Kemahiran Berfikir Aras Tinggi                                   |
| PdP    | Pengajaran dan Pembelajaran                                      |
| MPE    | Model Pentaksiran Ekstensif                                      |



## SENARAI LAMPIRAN

### Muka surat

|   |                                                                                                                                           |     |
|---|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| A | Modul Pengajaran dan Pembelajaran Permainan Kategori Memadang Berdasarkan Panduan Pengajaran Pendidikan Jasmani Tahun 5                   | 292 |
| B | Prosedur Pelaksanaan Pentaksiran Ekstensif                                                                                                | 303 |
| C | Instrumen Pentaksiran Ekstensif Sekolah Kebangsaan                                                                                        | 305 |
| D | Instrumen Pentaksiran Ekstensif Sekolah Jenis Kebangsaan Cina                                                                             | 316 |
| E | Instrumen Pentaksiran Ekstensif Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil                                                                            | 327 |
| F | Borang Penilaian Kesahan Instrumen Pentaksiran Ekstensif Bagi Permainan Kategori Memadang Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani Tahun 5 | 338 |
| G | Surat Pengesahan Pembentangan Cadangan Penyelidikan                                                                                       | 340 |
| H | Surat Pengesahan Pembentangan Dapatan Penyelidikan                                                                                        | 341 |
| I | Borang Soal Selidik Tahap Persetujuan Guru                                                                                                | 342 |
| J | Jadual Spesifikasi Ujian Pentaksiran Ekstensif                                                                                            | 347 |
| K | Surat Kelulusan Menjalankan Kajian di Sekolah, IPG dan JPN dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD)             | 348 |
| L | Surat Kelulusan Menjalankan Kajian dari Jabatan Pendidikan Negeri Johor                                                                   | 349 |
| M | Surat Kelulusan Menjalankan Kajian dari Pejabat Pendidikan Daerah Muar                                                                    | 350 |



## BAB 1

### PENDAHULUAN



#### 1.1 Pengenalan


“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara” (Akta Pendidikan 1996).



Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) ialah satu sistem pendidikan kebangsaan untuk mengganti sistem pendidikan penjajah dan bagi memenuhi kehendak negara. Untuk merealisasikan hasrat DPK, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) diterjemahkan ke dalam dokumen kurikulum formal Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Nilai-nilai yang terdapat FPK diterap dan direalisasikan melalui proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah dalam setiap mata pelajaran yang dipelajari. Murid di sekolah hendaklah dibekalkan dengan pendidikan menyeluruh, bukan hanya tertumpu kepada bidang akademik sahaja.

Selaras dengan itu, KPM sentiasa mengambil kira semua faktor yang terkandung dalam FPK seperti Pelan Induk Pembangunan Malaysia (PIPM) 2006-2010 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Keberkesanan PdP tidak dapat ditentukan tanpa kewujudan sistem pentaksiran yang baik. Oleh itu, transformasi sistem pentaksiran perlu dilaksanakan yang memerlukan kerjasama dan kefahaman semua pihak yang melibatkan pihak pembuat dasar, guru, murid, ibu bapa dan masyarakat. Bagi memastikan objektif PdP tercapai, setiap konstruk yang diajar hendaklah ditaksir (Mohd Hazim, 2016).



Rajah 1.1. Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Sistem Pentaksiran



Sehubungan dengan itu, Transformasi Kurikulum Kebangsaan yang diperkenalkan oleh KPM yang bermula pada tahun 2011 merupakan salah satu usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi memenuhi tuntutan arus pendidikan pada masa kini. Sistem kurikulum di Malaysia telah melalui beberapa kali perubahan dan anjakan paradigma. Anjakan ini bertujuan untuk memantapkan lagi sistem pendidikan di Malaysia serta memenuhi arus perubahan pendidikan global. Kurikulum Standard Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) telah ditransformasikan kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bermula pada tahun 2011. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) merupakan dokumen standard yang diguna pakai oleh semua guru sekolah rendah di Malaysia dalam melaksanakan aktiviti PdP serta dalam pelaksanaan pentaksiran murid di sekolah bermula pada tahun 2014 secara berperingkat. Kurikulum Standard Sekolah Rendah telah bermula dari tahap II iaitu dari darjah 4 (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2013).



Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) KPM telah menyatakan tentang perubahan yang besar dalam aspek sistem pembelajaran murid sekolah di Malaysia yang tertulis dalam Bab 4 yang menyatakan bahawa KPM menilaian semula berkaitan kurikulum dan pentaksiran. Garis panduan yang dinyatakan berkaitan peningkatan kerangka dan sistem pentaksiran yang lebih berkesan serta menambah baik item yang diuji agar mengandungi unsur kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ke arah sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang standard (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) adalah salah satu pendekatan dalam mentransformasikan sistem pentaksiran kepada yang lebih bersifat





mesra murid, holistik, insaniah, fleksibel dan standard. Usaha yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) selari dengan saranan yang terkandung dalam PIPM 2006-2010 iaitu pembinaan modal insan dan antara strategi dan fokus yang dilaksanakan ialah (i) penyediaan pentaksiran alternatif melalui perubahan penekanan peperiksaan am daripada berasaskan kandungan kepada berasaskan kemahiran, (ii) mengkaji sistem pentaksiran dan penilaian dan (iii) memantapkan kualiti sistem pentaksiran dan penilaian (PPPM 2013-2025).

Dalam usaha untuk melahirkan murid sekolah yang mampu bersaing pada peringkat global, PPPM 2013-2025 memberi perhatian secara menyeluruh terhadap peningkatan kualiti sistem pentaksiran di Malaysia dengan saranan (i) menambah item yang menguji kemahiran berfikir aras tinggi dan menggunakan rujukan standard dalam peperiksaan awam dan PBS dengan meningkatkan kerangka pentaksiran, (ii) memperkenalkan saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) dan memperkembangkan skop dalam literasi Bahasa Inggeris. Sistem peperiksaan berpusat yang diguna pakai dalam sistem pendidikan kebangsaan selama ini tidak berupaya mentaksir keseluruhan konstruk yang ingin dibangunkan. Satu pendekatan baharu harus ditemui bagi mengisi kelemahan dan kelompangan yang wujud dalam sistem peperiksaan berpusat selama ini. Hanya melalui satu sistem pentaksiran yang bersepadu dan menyeluruh, matlamat DPN akan tercapai (Mohd Hazim, 2016).

Dalam menuju abad ke-21, murid sekolah mestilah memiliki pelbagai kemahiran bagi membolehkan mereka bersaing di persada antarabangsa. Oleh itu, pentaksiran memainkan peranan penting bagi memastikan murid sekolah menerima pendidikan yang berkualiti dan berilmu, kemahiran dan nilai-nilai murni diperlukan.





Pentaksiran harus lebih dinamik, bermakna dan progresif. Transformasi pendidikan dan pentaksiran sedang dilaksanakan bagi menghadapi cabaran abad ke-21 (PPPM 2013-2025).

Oleh yang demikian, pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah rendah dan menengah mulai 2011 dan 2012 merupakan sistem pentaksiran menyeluruh, sesuai, jelas, menepati kehendak serta merealisasikan matlamat FPK, PPPM dan KSSR. Pentaksiran Berasaskan Sekolah adalah sistem pentaksiran yang dijalankan secara berterusan sepanjang proses PdP merangkumi kesemua aspek perkembangan sahsiah dan intelektual murid bukan hanya tertumpu pada peperiksaan dan pencapaian akademik semata-mata (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Guru-guru di sekolah merupakan individu yang bertanggungjawab mentadbir, merancang, memberi skor dan melaporkan keputusan pentaksiran mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2014).

Seterusnya, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan pentaksiran secara berterusan membolehkan guru mengumpul maklumat tentang perkembangan, kemajuan dan penguasaan murid terhadap Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang dinyatakan dalam DSKP setiap mata pelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Pentaksiran Bilik Darjah mengekalkan semua konsep PBS dan melibatkan penentuan tahap penguasaan murid dalam setiap mata pelajaran. Tahap penguasaan murid dinyatakan dalam DSKP bagi semua mata pelajaran.





Pelaksanaan PBD yang betul akan memberi gambaran yang jelas tentang penguasaan murid terhadap Standard Pembelajaran yang telah ditetapkan dalam kurikulum. Pentaksiran dan maklumat yang diperoleh bukan bertujuan untuk membuat perbandingan atau pengasingan antara murid tetapi untuk membantu guru, pihak sekolah dan ibu bapa merancang tindakan susulan ke arah menambah baik tahap penguasaan murid dalam pembelajaran.

Justeru itu, guru merupakan individu yang penting dalam melaksanakan PBD dengan menentukan objektif PdP berdasarkan standard pembelajaran yang hendak ditaksir, merancang, membina instrumen pentaksiran, melaksanakan pentaksiran, merekod hasil pentaksiran, menganalisis maklumat pentaksiran, melapor dan membuat tindakan. Pentaksiran berterusan secara formatif dan sumatif dalam PBD merupakan fokus utama pihak KPM bagi memastikan kurikulum dilaksanakan dengan lebih berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Bagi merealisasikan pelaksanaan PBD yang berkualiti di sekolah, setiap guru perlu didedahkan dengan pentaksiran dan penilaian secara holistik, dan bukan hanya tertumpu kepada keputusan peperiksaan dan ujian semata-mata. Menurut Lembaga Peperiksaan Malaysia (2015), pentaksiran di sekolah adalah yang dibina, dirancang, ditadbir, diperiksa, dilapor dan direkod di peringkat sekolah melalui instrumen pentaksiran seperti lembaran kerja, kuiz, senarai semak, pemerhatian, tugas rumah, laporan tugas, dan ujian. Oleh itu, peranan guru sangat penting dalam memastikan pelaksanaan PBD dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Hal ini kerana keputusan dan kaedah sesuatu pentaksiran dilaksanakan adalah bergantung kepada





guru dan menjadi tanggungjawab guru untuk melaksanakannya mengikut garis panduan yang telah ditetapkan (Mills-Jones 1999).

Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun Lima (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014), proses PdP mata pelajaran PJ merangkumi tiga domain utama iaitu psikomotor, kognitif dan afektif. Fokus dan penekanan yang seimbang hendaklah dilaksanakan kepada tiga domain tersebut supaya murid memperoleh kesan yang signifikan terhadap objektif, matlamat serta tujuan PJ (Julismah, Norkhalid, Mohd Izwan, Julismah & Syed Kamaruzaman, 2014).

Menurut Mohd Sofian (2006), Pendidikan Jasmani dapat diertikan sebagai pendidikan untuk jasmani melalui aktiviti fizikal, pertumbuhan dan perkembangan yang menyeluruh melalui aktiviti-aktiviti permainan yang teratur untuk melahirkan warganegara yang sempurna dan bertanggungjawab Selain itu, mata pelajaran PJ adalah bidang ilmu yang melibatkan proses pendidikan yang menitikberatkan perkembangan dan penguasaan pergerakan fizikal berdasarkan kemampuan murid serta menggabungkan aspek-aspek pendidikan melalui aktiviti fizikal, (Julismah, 2010). Freeman (1997) menyatakan Pendidikan Jasmani bukan hanya tertumpu pada aktiviti fizikal semata-mata tetapi juga memberi penekanan kepada pembangunan murid yang merangkumi domain psikomotor, kognitif dan afektif.

Oleh itu, PJ mempunyai matlamat dan objektif tersendiri yang berfokus kepada tiga domain utama iaitu psikomotor, kognitif dan afektif (Bailey, 2006). Bagi aktiviti PJ yang berkualiti dan baik boleh diperoleh melalui pendidikan untuk pergerakan dan pendidikan melalui pergerakan (Sidentop, 2007; Kelly & Melograno,





2004). Dengan erti kata lain, PJ adalah bertujuan membantu murid sekolah menjadi lebih cergas melalui amalan kecergasan dan proses pembelajaran aktiviti fizikal (Bahagian Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Selain itu, Pettifor (1999) berpendapat bahawa PJ menyediakan kanak-kanak untuk mengamalkan hidup aktif dan sihat dengan menyediakan skop pengalaman-pengalaman pembelajaran yang rapi dan berturutan. Manakala, William (2003) menyatakan PJ adalah aktiviti fizikal yang bertujuan dan bermatlamat pendidikan. Julismah (2010) menjelaskan PJ bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kecekapan kemahiran seseorang dalam aktiviti sukan melalui pergerakan-pergerakan fizikal berdasarkan prinsip dan hukum sains. Matlamat PJ adalah ke arah pembinaan kecergasan diri seseorang melalui aktiviti kecergasan, amalan gaya hidup sihat dan sukan sebagai pendidikan sepanjang hayat. Pendapat ini selaras dengan (Capel, 2000) yang menjelaskan PJ merupakan suatu proses pembelajaran yang bermatlamat untuk membangunkan kemahiran, pengetahuan, kefahaman dan menggalakkan kecekapan fizikal.

Berdasarkan pernyataan di atas, pentaksiran PJ seharusnya menjadi satu kaedah penilaian yang dapat menilai kemampuan serta kebolehan murid berdasarkan kepada tiga domain iaitu psikomotor, kognitif dan afektif secara menyeluruh dan holistik. Menurut Julismah et al. (2014), terdapat enam ciri pentaksiran iaitu (i) menekankan perkembangan individu, (ii) berdasarkan kepada kemampuan pelajar dan bukan untuk perbandingan antara pelajar, (iii) menggalakkan penilaian sendiri dengan melatih pelajar menilai kemajuan sendiri secara berterusan, (iv) mengesan perkembangan pembelajaran secara menyeluruh dari aspek intelek, rohani, emosi, fizikal, dan sosial,





(v) penilaian menyeluruh melibatkan domain kognitif (pengetahuan), psikomotor (kemahiran) dan afektif (nilai murni) dan (vi) melibatkan perkembangan modal insan.

Oleh yang demikian, pentaksiran autentik yang diperkenalkan oleh Wiggins (1989) adalah sistem pentaksiran yang sesuai digunakan semasa PdP mata pelajaran PJ di sekolah. Pentaksiran autentik menekankan empat kriteria iaitu (i) pentaksiran berdasarkan situasi sebenar, (ii) pemerhatian guru semasa proses PdP, (iii) penilaian sendiri dan (iv) murid dapat melakukan apa yang diketahui dan mengikut keupayaan masing-masing (Julismah et al., 2014).

Merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3/1979 bertarikh 02 Mei 1979, KPM menyatakan dengan jelas bahawa mata pelajaran PJ adalah mata pelajaran yang wajib diajar oleh guru di sekolah-sekolah kerajaan di Malaysia. Selain itu, waktu yang diperuntukkan bagi mata pelajaran PJ tidak boleh digunakan bagi mata pelajaran lain. Seterusnya, Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 25/1998 yang bertarikh 18 November 1998 juga menyatakan bahawa mata pelajaran PJ merupakan mata pelajaran teras sebagaimana yang di peruntukan dalam Akta Pendidikan 1996. Berdasarkan kenyataan tersebut, mata pelajaran PJ perlu dilaksanakan oleh guru-guru dengan berkesan. Oleh itu, pentaksiran mata pelajaran PJ mesti dilaksanakan oleh guru bagi mencapai objektif dan matlamat Pendidikan Jasmani.

Peranan dan tanggungjawab guru sangat penting dalam memastikan proses pentaksiran dapat dilaksanakan dengan sempurna serta mencapai objektif yang ditetapkan. Guru bertanggungjawab terhadap pentaksiran pembelajaran yang dilaksanakan dan perlu menyediakan laporan pembelajaran dengan tepat dan adil,





berdasarkan maklumat dan bukti yang diperoleh daripada pelbagai konteks dan aplikasi (Azizi, 2010). Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 25/1998 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988), mata pelajaran PJ merupakan teras dalam pendidikan di sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Kepentingan PJ telah diterima oleh semua pihak bagi keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelektual murid.

Justeru, pentaksiran PJ perlu dilaksanakan dan semestinya dinilai berdasarkan kriteria dan prosedur yang tertentu (Mosston & Ashworth, 2008). Selaras dengan kajian Mecier dan Doolittle (2013) menyatakan pentaksiran PJ sangat penting agar dapat memberi maklum balas berkaitan tahap pencapaian murid serta keberkesanan PdP yang telah dijalankan oleh guru di sekolah. Kenyataan ini selaras dengan dapatan kajian Gallo (2003) menjelaskan pentaksiran dan penilaian PJ hendaklah ditaksir secara berterusan dari tiga aspek utama iaitu domain psikomotor, kognitif dan afektif. Oleh itu, penggunaan kaedah pentaksiran dan penilaian yang pelbagai adalah sangat baik kerana dapat memberi maklum balas kepada guru-guru berkaitan kualiti dan mutu PdP yang dilaksanakan (Earl, 2003). Selain itu, pentaksiran merupakan satu asas dimensi bagi melaksanakan proses PdP Pendidikan Jasmani yang bermutu dan berkualiti.

Jelaslah bahawa, pentaksiran dan guru tidak dapat dipisahkan, tanpa pentaksiran keberkesanan pengajaran tidak dapat dinilai. Di sinilah letaknya kepentingan prosedur pentaksiran yang sistematik dan dihayati oleh setiap guru supaya maklumat yang terhasil daripadanya bermutu. Justru itu, untuk memperoleh maklumat yang tepat, lengkap serta holistik berkaitan dengan proses perkembangan





dan peningkatan potensi murid perkara, ini boleh diselesaikan dengan menggunakan kaedah pentaksiran. Malahan, menurut Zalizan (2009), penaksiran akhir dan penaksiran berterusan kedua-duanya digunakan di sekolah dan adalah penting untuk guru menilai tahap pencapaian murid dalam sesuatu topik pengajaran.

Oleh itu, penyelidik bercadang untuk membina instrumen pentaksiran yang holistik bagi permainan kategori memadang dalam mata pelajaran PJ Tahun 5 yang standard dan berkualiti. Instrumen pentaksiran yang dibina dikenali sebagai Pentaksiran Ekstensif (PE). Instrumen PE boleh digunakan oleh guru-guru Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) semasa proses PdP mata pelajaran PJ bagi Modul Kemahiran Asas Permainan Kategori Memadang. Pentaksiran Ekstensif dalam kajian ini dihasilkan dalam tiga jenis bahasa iaitu Bahasa Melayu untuk SK, Bahasa Mandarin untuk SJKC dan Bahasa Tamil untuk SJKT. Instrumen PE yang dibina dapat membantu guru dalam mencapai objektif pembelajaran yang merangkumi domain psikomotor, kognitif dan afektif. Selain itu, penyelidik juga membina instrumen Penilaian Prestasi Permainan bagi menilai tahap pencapaian pembelajaran penaaakulan murid dalam permainan kategori memadang. Seterusnya, Buku Panduan Pengajaran, Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan SPI Bil 1/2014 dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Jasmani Tahun 5 menjadi rujukan penyelidik bagi membina kandungan instrumen pentaksiran ini.

Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Jasmani Tahun 5 yang memberi fokus kepada (i) menguasai kemahiran yang





merangkumi sukan dan permainan mengikut kategori serta pergerakan; (ii) mengaplikasikan konsep kecergasan dalam meningkatkan tahap kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan; dan (iii) memupuk elemen keselamatan, tanggungjawab sendiri, pengurusan, interaksi sosial dan dinamika kumpulan semasa melakukan aktiviti Pendidikan Jasmani (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Dokumen yang dibekalkan oleh KPM merupakan dokumen pembelajaran yang diguna pakai oleh semua guru PJ untuk satu tahun sesi persekolahan yang disusun secara modular mengikut KSSR. Dalam kurikulum modular tersebut, semua kandungan dibahagi kepada bahagian-bahagian tertentu yang dinamakan modul pengajaran. Modul pengajaran tersebut merangkumi kandungan pembelajaran dibahagikan kepada unit. Unit tersebut mengandungi aspek kemahiran, pengetahuan, dan nilai yang perlu dikuasai dan dicapai oleh murid.



Modul Pengajaran yang dibekalkan oleh KPM terbahagi kepada dua bahagian iaitu Modul Kemahiran dan Modul Kecergasan. Modul Kemahiran mengandungi pergerakan berirama, kemahiran asas permainan terdiri daripada permainan kategori serangan, kategori jaring, kategori memadam, olahraga asas, akuatik asas dan rekreasi. Modul Kecergasan merangkumi konsep kecergasan, daya tahan dan kekuatan otot dan kelenturan, (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Kandungan modul pembelajaran disusun mengikut domain psikomotor, kognitif, dan afektif. Proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan modul kemahiran bagi tujuan pengajaran akan menggunakan modul yang mewakili lima aspek iaitu:





**Aspek 1: Domain Psikomotor (Kemahiran Pergerakan)**

Melalui Aspek 1, murid menguasai kemahiran motor dan pelbagai corak pergerakan yang diperlukan untuk melakukan pelbagai aktiviti fizikal.

**Aspek 2: Domain Kognitif (Aplikasi Pengetahuan Dalam Pergerakan)**

Melalui Aspek 2, murid dapat mengaplikasikan pengetahuan berkaitan prinsip, konsep, dan strategi pergerakan dalam pembelajaran serta mengembangkan kemahiran motor.

**Aspek 3: Domain Psikomotor (Kecergasan Meningkatkan Kesihatan)**

Melalui Aspek 3, murid berkeupayaan mengekalkan dan meningkatkan tahap kecergasan untuk kesihatan dan prestasi fizikal melalui Modul Kecergasan.

**Aspek 4: Domain Kognitif (Aplikasi Meningkatkan Kecergasan)**

Melalui Aspek 4, murid dapat mengaplikasikan pengetahuan berkaitan, prinsip, konsep, dan strategi meningkatkan kecergasan untuk kesihatan dan prestasi fizikal melalui Modul Kecergasan.

**Aspek 5: Domain Afektif (Kesukanan)**

Melalui Aspek 5, murid berkeupayaan mengukuhkan amalan Pendidikan Jasmani menerusi elemen keselamatan, konsep, dan psikologi, prinsip, dan strategi untuk melakukan aktiviti fizikal





dengan berkesan yang melibatkan (1) pengurusan dan keselamatan, (2) tanggungjawab sendiri, (3) interaksi sosial, dan (4) dinamika kumpulan.

Bahagian Pembangunan Kurikulum telah menyusun kandungan kurikulum dengan teratur dan tersusun dengan bertujuan proses pelaksanaan kurikulum dapat berjalan dengan lancar. Modul pengajaran yang terdapat dalam dokumen KSSR Pendidikan Jasmani Tahun 5 diterangkan dalam lajur utama iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran, dan Standard Prestasi. Dalam lajur Standard Kandungan mengandungi isi kandungan yang perlu murid kuasai dan pelajari. Seterusnya, Standard Pembelajaran menyatakan kemahiran yang perlu murid capai dan kuasai manakala lajur Standard Prestasi pula menunjukkan tahap penguasaan murid terhadap modul yang dipelajari.



Objektif utama pembelajaran mata pelajaran PJ merangkumi tiga domain utama iaitu psikomotor, kognitif dan afektif. Oleh yang demikian, guru yang mengajar PJ mestilah menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Jasmani Tahun 5 kerana kandungan dalam kurikulum tersebut adalah selari dengan pencapaian objektif yang telah ditetapkan oleh KPM. Walau bagaimanapun, Guru PJ tidak terikat dengan susunan yang terdapat dalam modul kurikulum tersebut dan boleh memulakan proses PdP dengan Modul Kecergasan atau Modul Kemahiran. Dalam Kandungan Kurikulum Standard Pendidikan Jasmani Sekolah Rendah Tahun 5 menyatakan bahawa pemberatan Modul Kemahiran adalah sebanyak 75% dan Modul Kecergasan hanya 25% (Bahagian Perkembangan Kurikulum 2014).





Oleh yang demikian, dalam kajian yang dijalankan penyelidik memilih dan memberi tumpuan terhadap pembinaan instrumen pentaksiran pembelajaran bagi modul kemahiran. Matlamat utama KSSR Tahun 5 adalah untuk melahirkan dan membina murid agar menjadi individu yang cergas, sihat serta berpengetahuan, berkemahiran, dan mengamalkan nilai murni melalui aktiviti fizikal ke arah mencapai kesejahteraan hidup (Bahagian Perkembangan Kurikulum, 2014). Selain itu, fokus utama dalam KSSR Tahun 5 adalah penekanan terhadap kemahiran pergerakan dalam aktiviti sukan dan permainan mengikut jenis sukan dan kategori, pengurusan sukan, tanggungjawab sendiri, meningkatkan tahap kecergasan, mengaplikasikan konsep kecergasan, dan interaksi sosial menjalankan aktiviti fizikal (Bahagian Perkembangan Kurikulum, 2014).



dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5 sebagai fokus kajian yang dijalankan. Permainan kategori memadang memberi ruang kebebasan kepada murid untuk melakukan pergerakan dan berinteraksi secara aktif dengan rakan pasukan semasa aktiviti permainan. Selain itu, murid berpeluang mempelajari dan menguasai pelbagai kemahiran berkaitan permainan softball seperti membaling, memukul, menahan dan menangkap (Bahagian Perkembangan Kurikulum, 2014).

Kesimpulannya, PE boleh dijadikan sebagai pentaksiran alternatif bagi guru PJ di sekolah-sekolah rendah di Malaysia. Oleh itu, instrumen PE kemahiran kategori memadang dalam mata pelajaran PJ di semua SK, SJKC, dan SJKT sangat diperlukan bagi mengenal pasti tahap pencapaian pembelajaran murid dalam domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaaakulan.





## 1.2 Penyataan Masalah

Masa depan pentaksiran pendidikan menjanjikan pelbagai kemungkinan dan seharusnya LPM bersedia menghadapi segala cabaran dalam menghadapi kemungkinan tersebut. Dalam memenuhi tuntutan ini, pentaksiran berperanan penting memastikan setiap murid menerima pendidikan yang berkualiti, berkemahiran, memiliki ilmu, dan nilai-nilai baik yang diperlukan (Mohd Hazim, 2016). Oleh itu, LPM menambah baik dan memperkenalkan sistem pentaksiran yang lebih holistik dan mesra pelajar melalui PBS di bawah program pendidikan (Laporan Tahunan Lembaga Peperiksaan, 2012).

Oleh itu, untuk melaksanakan pentaksiran yang holistik, standard dan berkualiti, guru PJ di sekolah rendah hendaklah bersedia serta mempersiapkan diri dari semua aspek bagi melaksanakan transformasi sistem pentaksiran dan penilaian berpusatkan sekolah seperti yang telah dinyatakan dengan jelas dalam PPPM 2013-2015. Namun begitu, masih terdapat lagi guru di sekolah menghadapi pelbagai masalah dalam melaksanakan proses pentaksiran di sekolah seperti bebanan tugas di sekolah dalam melaksanakan pentaksiran dan penilaian (Othman et al., 2013; Noorzeliana, 2016), guru kurang memahami kaedah dan konsep pentaksiran dan penilaian (Rohaya, Hamimah, Nor Shidah & Mohd Aisamuddin, 2014) dan guru kurang mahir dalam membuat perancangan pelaksanaan pentaksiran dan penilaian di sekolah (Norazilawati, Noraini, Rosnidar, Abdul Talib & Wong, 2015).

Menurut Capel (2000), kategori permainan merupakan aspek serta tunjang utama dalam kurikulum PJ di seluruh dunia termasuk di negara Malaysia. Oleh itu,





guru yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan PJ mestilah mempunyai pengetahuan serta kemahiran dalam menyampaikan ilmu yang berkaitan dengan permainan tersebut. Hasil daripada pembacaan, pemerhatian serta temu bual secara langsung dengan guru-guru PJ terdapat beberapa masalah yang hingga kini masih belum dikaji secara menyeluruh dan diselesaikan.

Kajian Saptu dan Said (2011) mendapati kebanyakan guru di sekolah kurang berkemahiran dalam mengaitkan sukatan pelajaran kurikulum dan aktiviti pentaksiran yang ingin dijalankan bagi mematuhi prinsip asas pentaksiran dan penilaian. Manakala Norkhalid (2012) melaporkan tiada dokumen yang standard digunakan oleh guru PJ di sekolah dalam menilai aras pembelajaran murid berkaitan tajuk kemahiran permainan. Oleh itu, beliau mencadangkan instrumen penilaian dalam PJ yang berbentuk komprehensif serta mempunyai nilai kesahan, kebolehpercayaan dan objektiviti yang standard perlu diwujudkan.

Tambahan pula, menurut kajian yang telah dijalankan oleh Othman, Siti Esah, Ahmad Fuaad, Azali dan Omar (2013) menjelaskan bahawa kebanyakan guru Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJPK) masih tidak mahir dan cekap dalam membina item pentaksiran, kurang faham dan jelas berkaitan maksud pentaksiran yang boleh dipercayai dan mempunyai kesahan serta tidak mempunyai kemahiran untuk mentaksir dan menilai hasil pentaksiran. Kajian Othman et al. (2013) melaporkan situasi ini berlaku berpunca daripada guru-guru yang masih tidak mempunyai pengetahuan tentang pentaksiran dan juga tidak memiliki kompetensi pentaksiran bagi melaksanakan pentaksiran yang berkualiti dan berkesan.





Kajian yang dijalankan oleh Aniza dan Zamri (2015) mendapati sikap positif guru bagi membuat perancangan ujian, mentadbir ujian, membina item, membuat skor, menganalisis maklumat pentaksiran dan membuat pelaporan ujian berada di tahap yang rendah. Ini menunjukkan pentaksiran di sekolah tidak dapat dilaksanakan mengikut matlamat pentaksiran yang berkesan. Rahman dan Ali (2008) menyatakan masalah yang dihadapi oleh guru ialah tidak mempunyai masa yang cukup untuk menyelia dan membimbing murid serta menganggap proses pelaksanaan pentaksiran mengganggu tugas-tugas lain. Begitu juga kajian Noor dan Sahip (2010) yang menunjukkan bahawa jadual waktu guru di sekolah agak padat menyukarkan guru untuk melaksanakan pentaksiran terhadap murid.

Disamping itu, Begum dan Farooqui (2008) melaporkan bahawa guru sangat optimis mengenai perubahan sistem pentaksiran. Hasil kajian mendapati walaupun pihak kerajaan telah melaksanakan sistem pentaksiran baru namun kebanyakan guru mempunyai kefahaman yang sedikit seterusnya akan menyebabkan proses pentaksiran dan penilaian tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Pemilihan instrumen yang sesuai, menepati standard kandungan dan standard pembelajaran menjadi kekangan utama dalam menaksir tahap pencapaian murid di sekolah. Dapatan kajian ini di sokong oleh Rahman dan Ali (2008) menyatakan guru-guru mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang sederhana dalam melaksanakan pentaksiran di sekolah.

Walaupun LPM telah menyediakan garis panduan pelaksanaan pentaksiran namun tiada instrumen pentaksiran yang standard bagi guru-guru PJ di sekolah rendah dalam melaksanakan proses pentaksiran dan penilaian khususnya bagi modul





kemahiran asas permainan. Dengan keadaan sedemikian, merumitkan lagi guru PJ di sekolah dalam melaksanakan proses pentaksiran dan penilaian bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Hal ini kerana dalam kandungan KSSR Tahun 5 dinyatakan dengan jelas sebanyak 75% pemberatan bagi Modul Kemahiran dan 25% Modul Kecergasan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014).

Penyelidik mendapati pentaksiran bagi mata pelajaran PJ khususnya bagi kategori permainan kemahiran memadang Tahun 5 masih belum ada satu kaedah pentaksiran standard yang digunakan oleh guru-guru PJ di sekolah. Sehubungan itu, melalui temu bual penyelidik bersama beberapa orang guru PJ di SJKC dan SJKT mendapati guru PJ menghadapi masalah untuk melaksanakan pentaksiran kerana kebanyakan murid di sekolah tersebut kurang memahami soalan dalam Bahasa Melayu. (Tan, Lim, Candran, Kumar, komunikasi personal 10 Mac, 2016).

Hasil temu bual bersama Jurulatih Utama Pendidikan Jasmani Daerah Muar, Ledang dan Batu Pahat tentang pelaksanaan pentaksiran mata pelajaran Pendidikan Jasmani, beliau menyatakan bahawa pentaksiran yang dijalankan tidak seragam dan tiada dokumen standard yang digunakan oleh semua guru Pendidikan Jasmani dalam melaksanakan Pentaksiran Permainan Kategori Memadang Tahun 5 di daerah masing-masing (Helmy, Reduan & Roslan, komunikasi personal 25 Mei, 2016).

Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Perkembangan Kurikulum telah membekalkan buku panduan pengajaran, modul dan dokumen standard kurikulum kepada semua sekolah sebagai rujukan serta panduan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Namun demikian, masih terdapat kekurangan dari segi





dokumen pentaksiran yang standard bagi kategori permainan Tahun 5 untuk membolehkan guru-guru PJ melaksanakan pentaksiran dengan mudah di sekolah, menerusi temu bual salah seorang penggubal Kurikulum Pendidikan Jasmani Bahagian Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia (Adib, komunikasi personal 18 Jun, 2016).

Dalam pada itu, hanya ujian SEGAK sahaja yang berkaitan dengan mata pelajaran PJ bagi mengukur dan menilai tahap kecergasan, merekodkan berat badan dan rekod ketinggian untuk menentukan tahap jisim setiap murid. Jelaslah bahawa, ujian SEGAK ini tidak berkesan dalam mentaksir dan menilai modul kemahiran asas permainan khususnya permainan kategori memadang dalam PJ Tahun 5. Dengan keadaan sedemikian, guru-guru yang mengajar PJ tidak mempunyai instrumen pentaksiran permainan kategori memadang yang holistik, standard dan berkualiti yang merangkumi domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaakulan. Persoalannya adakah guru PJ dapat melaporkan data tahap pencapaian murid secara sah dan dipercayai?.

Kajian Salleh dan Azhar (2014) mendapati kebanyakan guru PJ melaksanakan proses pentaksiran dan penilaian berdasarkan soalan dan lembaran kerja yang sedia ada di dalam buku teks PJ Tahun 5 yang disediakan oleh KPM bagi menilai tahap pencapaian pembelajaran murid sekolah. Namun begitu, soalan dan lembaran kerja yang diguna pakai oleh guru PJ tidak menyeluruh, tidak lengkap dan tidak holistik berdasarkan (Bahagian Kurikulum, 2014). Menurut Bunker dan Thorpe (1982) menyatakan bahawa pentaksiran PJ hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh dan holistik yang merangkumi tiga domain utama iaitu domain kognitif, psikomotor,





afektif. Oleh itu, proses PdP dianggap tidak sempurna dan lengkap sekiranya proses pentaksiran tidak dilaksanakan dengan baik. Maka, pelaksanaan pentaksiran dan penilaian sangat penting dalam proses PdP kerana dapat membantu meningkatkan keyakinan diri murid dan membina kompetensi untuk bersukan serta bermain walaupun telah tamat zaman persekolahan (Mitchell et al., 2013).

Oleh yang demikian, guru PJ menggunakan soalan yang direka sendiri mengikut fahaman masing-masing atau mendapat buku soalan yang terdapat di kedai buku. Hal ini kerana, guru PJ menghadapi kekangan masa serta bebanan tugas yang pelbagai di sekolah. Sebagai kesan maka timbulnya persoalan tentang kualiti, kebolehpercayaan serta kesahan item soalan yang dibina dalam melaksanakan pentaksiran PJ di sekolah. Merujuk Norazilawati et al. (2015), guru-guru PJ di sekolah menghadapi masalah serta kompetensi dalam membina item soalan serta pelaksanaan pentaksiran PJ di sekolah.

Tambahan pula, menurut Laporan Jemaah Nazir Jaminan Kualiti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009) proses pentaksiran PJ yang telah dilaksanakan pada masa kini tidak menyeluruh. Pentaksiran yang dilaksanakan oleh guru di sekolah tidak menilai secara keseluruhan bagi tiga domain utama mata pelajaran PJ iaitu domain psikomotor, kognitif dan afektif. Dalam pada itu, merujuk surat arahan pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil. 1/2014 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014), Buku Panduan Pelaksanaan PBS (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014) dan Buku Panduan Pelaksanaan PBD (2018) pentaksiran di sekolah hendaklah secara menyeluruh dan holistik merangkumi domain psikomotor, kognitif dan afektif.





Maka, segala permasalahan tersebut mengakibatkan pentaksiran mata pelajaran PJ tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna sebagaimana yang telah dinyatakan dalam PPPM 2013-2025 yang digariskan dalam Bab 4 iaitu kurikulum yang ditaksir hendaklah selari dengan kurikulum yang ditulis dan diajar (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Walaupun guru-guru di sekolah telah melaksanakan pentaksiran SEGAK dan PAJSK namun begitu pentaksiran tersebut tidak lagi mentaksir modul kemahiran asas permainan yang merangkumi domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaaakulan.

Justeru, kajian yang dilaksanakan ini bertujuan untuk membina instrumen PE bagi permainan kategori memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5 serta mengenal pasti tahap pencapaian pembelajaran murid berdasarkan Buku Panduan Pengajaran Pendidikan Jasmani Tahun 5, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Jasmani Tahun 5 dan Buku Teks Pendidikan Jasmani Tahun 5 yang dijadikan sebagai rujukan dalam membina instrumen Pentaksiran Ekstensif.

Penyelidik berharap dengan adanya instrumen pentaksiran yang dibina ini dapat menjadi rujukan oleh pihak yang berkepentingan seperti Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah seterusnya guru PJ dalam melaksanakan pentaksiran asas permainan kategori memadang.





### 1.3 Tujuan Kajian

Secara umumnya, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengkaji keberkesanan instrumen Pentaksiran Ekstensif bagi permainan kategori memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5.

#### 1.3.1 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah dan tujuan kajian, penyelidik mendapati terdapat beberapa objektif yang perlu dicapai dalam kajian ini. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tahap pencapaian pembelajaran domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaakulan murid menggunakan instrumen Pentaksiran Ekstensif bagi permainan kategori memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5.
- ii. Mengenal pasti tahap pencapaian pembelajaran domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaakulan murid menggunakan instrumen Pentaksiran Ekstensif bagi permainan kategori memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5 mengikut jantina.





- iii. Mengenal pasti tahap pencapaian pembelajaran domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaaakulan murid menggunakan instrumen Pentaksiran Ekstensif bagi permainan kategori memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5 mengikut jenis sekolah.
- iv. Menentukan perbezaan tahap pencapaian pembelajaran domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaaakulan murid menggunakan instrumen Pentaksiran Ekstensif bagi permainan kategori memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5 mengikut jantina.
- v. Menentukan perbezaan tahap pencapaian pembelajaran domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaaakulan murid menggunakan instrumen Pentaksiran Ekstensif bagi permainan kategori memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5 mengikut jenis sekolah.
- vi. Mengenal pasti tahap persetujuan guru terhadap penggunaan instrumen Pentaksiran Ekstensif bagi permainan kategori memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5.

### 1.3.2 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah dan objektif kajian yang dinyatakan, kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian berikut:





- i. Sejauh manakah tahap pencapaian pembelajaran domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaaakulan murid menggunakan instrumen Pentaksiran Ekstensif bagi permainan kategori memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5?
- ii. Sejauh manakah tahap pencapaian pembelajaran domain psikomotor, kognitif, afektif, dan penaaakulan murid menggunakan instrumen Pentaksiran Ekstensif bagi permainan kategori memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5 mengikut jantina?
- iii. Sejauh manakah tahap pencapaian pembelajaran domain psikomotor, kognitif, afektif, dan penaaakulan murid menggunakan instrumen Pentaksiran Ekstensif bagi permainan kategori memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5 mengikut jenis sekolah?
- iv. Adakah terdapat perbezaan tahap pencapaian pembelajaran domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaaakulan murid menggunakan instrumen Pentaksiran Ekstensif bagi permainan kategori memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5 mengikut jantina?
- v. Adakah terdapat perbezaan tahap pencapaian pembelajaran domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaaakulan murid menggunakan instrumen Pentaksiran Ekstensif bagi permainan kategori memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5 mengikut jenis sekolah?





- vi. Sejauh manakah tahap persetujuan guru terhadap penggunaan instrumen Pentaksiran Ekstensif bagi permainan kategori memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5?

#### 1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan menghasilkan instrumen PE bagi permainan permainan kategori memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5. Instrumen pentaksiran ini dapat memudahkan para guru PJ menilai dan menaksir murid semasa proses PdP berdasarkan tahap pencapaian yang dinilai melalui kaedah pemerhatian guru dan ujian bertulis. Selain itu, instrumen PE ini dapat meringankan beban tugas guru di sekolah.



Hal ini kerana tanggungjawab yang pelbagai di sekolah dan kebanyakan guru tidak mahir dalam membina item ujian dalam kemahiran asas permainan khususnya kategori memadang.

Transformasi Kurikulum Kebangsaan mengharapkan agar penilaian dan pentaksiran secara holistik dan berterusan dapat direalisasikan. Penghasilan instrumen PE adalah selari dengan hasrat PPPM 2013-2025. Penghasilan model pentaksiran ini juga merupakan titik permulaan kepada penghasilan lebih banyak modul permainan kategori memadang ini kerana kriteria penilaian boleh disesuaikan dengan permainan dalam kategori yang sama semasa sesi PJ sekaligus dapat merangsang minat murid untuk belajar dengan lebih berkesan.





Hasil dapatan kajian diharapkan dapat membantu LPM dalam merangka dan membina instrumen pentaksiran khususnya dalam mata pelajaran PJ selaras dengan transformasi sistem pentaksiran dan penilaian. Instrumen PE boleh dijadikan eviden dalam proses pentaksiran selaras dengan PBS dan PBD yang telah dilaksanakan oleh KPM kerana ia merupakan instrumen pentaksiran yang standard dan holistik. Tahap pencapaian pembelajaran murid bukan sahaja dapat diketahui oleh guru malah ibu bapa juga dapat menilai tahap pencapaian anak mereka melalui instrumen Pentaksiran Ekstensif. Hasil pentaksiran tahap pencapaian murid dilaporkan dalam bentuk bertulis secara ringkas yang terkandung tahap pencapaian pembelajaran domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaaakulan. Sehubungan itu, ibu bapa boleh merujuk tahap pencapaian pembelajaran anak mereka dengan lebih mudah dan jelas.



dan penerbitan buku serta artikel yang berkaitan dengan pentaksiran dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Sumbangan ini boleh dijadikan sebagai rujukan serta panduan kepada guru PJ dalam melaksanakan pentaksiran khususnya dalam permainan kategori memadang. Walaubagaimanapun, item dan kriteria PE boleh disesuaikan dengan permainan dengan kategori memadang seperti kriket dan roundes kerana matlamat utama bagi kategori permainan tersebut adalah sama.

Hasil daripada kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan rujukan kepada pihak Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti dan juga pihak pentadbiran sekolah dalam proses menilai guru mata pelajaran PJ sebagai calon Guru Cemerlang dan juga penilaian prestasi tahunan sekaligus dapat menyokong hasrat KPM memertabatkan profesion keguruan.





## 1.5 Limitasi Kajian

Kajian yang dijalankan ini mempunyai limitasi yang tidak dapat dielakkan. Antara limitasi yang terdapat dalam kajian ini ialah:

### 1.5.1 Kompetensi Guru

Kefahaman serta kompetensi guru PJ dalam pelaksanaan pentaksiran dengan menggunakan instrumen Pentaksiran Ekstensif yang diberikan oleh penyelidik berkemungkinan mempengaruhi guru semasa proses pentaksiran dilaksanakan. Secara tidak langsung data yang diperolehi mungkin kurang tepat. Oleh itu, penyelidik perlu menerangkan secara jelas tentang prosedur penggunaan instrumen PE untuk dilaksanakan oleh guru.

### 1.5.2 Faktor Cuaca

Keadaan cuaca yang tidak menentu sering kali menyebabkan kelas amali PJ tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan terutamanya bagi sekolah yang tidak mempunyai kemudahan seperti dewan. Pelaksanaan PdP mata pelajaran PJ kebiasaannya dilaksanakan di luar bilik darjah dan tidak dapat dilaksanakan semasa hari hujan. Oleh itu, penyelidik memerlukan masa tambahan untuk mendapatkan data kajian daripada guru-guru sekolah yang dipilih.





## 1.6 Definisi Operasional

Terdapat istilah dan definisi konsep yang digunakan oleh penyelidik bagi menjelaskan sesuatu perkara supaya ianya dapat memberi kefahaman tentang kajian yang dijalankan dan selari dengan maksud atau makna yang ingin disampaikan. Antaranya ialah:

### 1.6.1 Pentaksiran Pembelajaran

Pentaksiran pembelajaran dalam kajian ini berkonsepkan kepada pentaksiran untuk pembelajaran. Pentaksiran ini melibatkan aspek pembelajaran psikomotor, kognitif, afektif dan penaaakulan. Penyelidik menggunakan kaedah pentaksiran guru dan pentaksiran sendiri dalam mengumpul data tahap pencapaian pembelajaran murid secara formatif

Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini penyelidik menggunakan kaedah formatif untuk menilai tahap pencapaian pembelajaran murid. Pentaksiran formatif dilaksanakan sepanjang proses PdP melalui kaedah pentaksiran guru yang dilaksanakan semasa aktiviti ansur maju dan permainan kecil bagi setiap unit kemahiran. Seterusnya pentaksiran sendiri yang ditadbir sebelum proses PdP tamat. Manakala pentaksiran penaaakulan dilaksanakan dalam sesi khas permainan sofbol.



### 1.6.2 Penaakulan

Kemahiran menaakul semakin penting bagi pembangunan murid sekolah pada masa kini. Penaakulan boleh didefinisikan sebagai pemikiran secara logik dengan melibatkan kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan yang merupakan asas penguasaan berfikir aras tinggi (Buku Kemahiran Menaakul, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Dalam kajian ini, penyelidik menilai dan menaksir tahap penaakulan murid menggunakan borang penilaian prestasi permainan. Penilaian penaakulan memukul dan memadang dilaksanakan oleh guru PJ semasa permainan softball dilaksanakan. Tiga komponen penaakulan yang ditetapkan oleh penyelidik untuk dinilai ialah pelaksanaan kemahiran, membuat keputusan dan tapak. Kaedah pentaksiran guru melalui pemerhatian diaplikasikan sepanjang proses penilaian penaakulan.

### 1.6.3 Tahap Pencapaian Pembelajaran

Tahap pencapaian pembelajaran dalam kajian ini merujuk kepada data pencapaian murid bagi pentaksiran formatif. Data pencapaian formatif diperoleh daripada tahap pencapaian pembelajaran murid dalam Pentaksiran Ekstensif. Kaedah pentaksiran pemerhatian guru dan kaedah pentaksiran sendiri diaplikasikan dalam usaha mendapatkan data tahap pencapaian pembelajaran domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaakulan.



Tahap pencapaian pembelajaran murid bagi domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaaakulan ditetapkan kepada tahap pencapaian pembelajaran. Domain psikomotor murid berdasarkan skor tahap pencapaian psikomotor yang menggunakan skala 1 hingga 5 dan pecahan rubrik mengikut aras iaitu (i) skor 1 (menguasai asas), (ii) skor 2 (menguasai sebahagian), (iii) skor 3 (mengusai), (iv) skor 4 (menguasai keseluruhan) dan (v) skor 5 (berkemahiran semula jadi).

Domain kognitif murid berdasarkan skor markah yang diperolehi dari ujian bertulis iaitu (i) 0-39 (belum mencapai tahap minimum), (ii) 40-49 (mencapai tahap minimum), (iii) 50-64 (memuaskan), (iv) 65-79 (baik) dan (v) 80-100 (cemerlang). Seterusnya domain afektif murid berdasarkan skor tahap pencapaian afektif yang menggunakan skala 1 hingga 5 dan pecahan rubrik mengikut aras iaitu (i) skor 1 (sangat lemah), (ii) skor 2 (lemah), (iii) skor 3 (sederhana), (iv) skor 4 (baik) dan (v) skor 5 (cemerlang).

Komponen penaaakulan memukul dan memadang berdasarkan skor tahap pencapaian penaaakulan yang menggunakan skala 1 hingga 5 dan pecahan rubrik mengikut aras iaitu (i) skor 1 (prestasi sangat lemah), (ii) skor 2 (prestasi lemah), (iii) skor 3 (prestasi sederhana), (iv) skor 4 (prestasi efektif) dan (v) skor 5 (prestasi sangat efektif).





#### 1.6.4 Pentaksiran Ekstensif

Ekstensif bermaksud menyeluruh dan luas. Pentaksiran Ekstensif dalam kajian ini terbahagi kepada empat iaitu pentaksiran psikomotor, pentaksiran kognitif, pentaksiran afektif dan pentaksiran penilaian penaakulan. Instrumen PE merangkumi tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil. Instrumen PE Bahasa Melayu digunakan di Sekolah Kebangsaan, instrumen PE Bahasa Mandarin digunakan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan instrumen PE Bahasa Tamil digunakan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

#### 1.6.5 Permainan Kategori Memadang dalam Pendidikan Jasmani Tahun 5



Dalam kajian ini permainan kategori memadang dalam PJ Tahun 5 melibatkan pembelajaran permainan softball. Dalam hal ini, kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh murid ialah membalik bola ke petak sasaran, mari membalik, memukul dan bergerak, menahan bola, baling bawah dan tangkap bola. Selain itu, standard kandungan juga dinyatakan dengan jelas bagi memudahkan guru PJ menetapkan objektif pengajaran hendak dicapai setiap kali PdP Pendidikan Jasmani dilaksanakan. Justeru itu, guru PJ bertanggungjawab memastikan enam kemahiran permainan kategori memadang dapat dilaksanakan mengikut DSKP Tahun 5 yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.



Jadual 1.1

*Modul Kemahiran Asas Permainan Kategori Memadang Pendidikan Jasmani Tahun 5*

| Kategori                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | Aspek                                                                 | Standard Kandungan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Memadang</b><br><br>Kemahiran: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Membaling bola ke petak sasaran</li> <li>- Mari membaling</li> <li>- Memukul dan bergerak</li> <li>- Menahan bola</li> <li>- Baling bawah</li> <li>- Tangkap bola</li> </ul> Permainan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Softbol</li> </ul> | Aspek 1<br>Kemahiran pergerakan<br>(Domain psikomotor)                | Berkebolehan melakukan kemahiran asas permainan kategori memadang dengan lakuan yang betul                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | Aspek 2<br>Aplikasi pengetahuan dalam pergerakan<br>(Domain kognitif) | Berkebolehan mengaplikasikan konsep pergerakan dan prinsip mekanik dalam kemahiran asas kategori memadang                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | Aspek 5<br>Kesuklanan<br>(Domain afektif)                             | <b>Pengurusan dan Keselamatan</b><br>Berkebolehan mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan<br><br><b>Tanggungjawab Kendiri</b><br>Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti fizikal<br><br><b>Interaksi Sosial</b><br>Berkebolehan berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti fizikal<br><br><b>Dinamika Kumpulan</b><br>Berkebolehan membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan |

*Sumber:* Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Jasmani Tahun 5 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014)

Modul kemahiran pada Jadual 1.1 di atas adalah berdasarkan DSKP Pendidikan Jasmani Tahun 5 yang telah disediakan oleh KPM (Bahagian Kurikulum, 2014). Dalam kajian ini guru-guru PJ Tahun 5 di SK, SJKC, dan SJKT hendaklah melaksanakan proses pentaksiran kemahiran mengikut DSKP dan arahan yang telah ditetapkan dalam surat pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil 1/2014 Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).



### 1.6.6 Pentaksiran Pembelajaran Berasaskan Buku Panduan Pendidikan Jasmani Tahun 5

Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Pembangunan Kurikulum telah menerbitkan Buku Teks PJ Tahun 5, Buku Panduan Pengajaran PJ Tahun 5 dan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Pendidikan Jasmani Tahun 5 untuk rujukan serta panduan bagi guru-guru PJ di semua sekolah rendah di seluruh Malaysia. Dokumen tersebut telah dihasilkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2014.

Dokumen yang dibekalkan ini menerangkan serta memperincikan topik kemahiran yang perlu diajar kepada murid-murid sekolah di Malaysia. Buku Panduan Pendidikan Jasmani Tahun 5 mengandungi 47 unit yang membantu guru dalam pengajaran Modul Kemahiran dan Modul Kecergasan seperti yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran PJ Tahun 5. Aktiviti dan kemahiran yang terdapat dalam Buku Panduan Pengajaran PJ Tahun 5 disusun secara ansur maju mengikut buku teks dan setiap unit pengajaran menjurus kepada standard pembelajaran yang telah ditetapkan dalam DSKP Pendidikan Jasmani Tahun 5.

Aktiviti permainan yang diterapkan dalam Buku Panduan Pengajaran menggunakan pendekatan *Teaching Games for Understanding (TGfU)* dan merentas kurikulum. Guru-guru PJ haruslah memainkan peranan yang penting semasa proses PdP dilaksanakan. Selain itu, guru juga perlu merangsang murid dengan mengemukakan soalan yang berunsurkan KBAT dan seterusnya pelajar akan berfikir





secara kreatif, kritis, menaakul dan membuat keputusan tentang kemahiran yang dipelajari.

Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik melaksanakan kajian berkaitan permainan kategori memadang Tahun 5 bermula dari unit 21 hingga 26. Setiap unit tersebut menerangkan tentang kemahiran memadang. Antara aktivitiinya ialah membaling, memukul, menangkap serta menahan bola dalam pelbagai cara dan teknik bagi asas kemahiran permainan softball. Buku Panduan Pengajaran PJ Tahun 5 merupakan dokumen rujukan serta panduan kepada guru-guru PJ semasa melaksanakan proses PdP Pendidikan Jasmani di semua sekolah rendah di Malaysia.



#### 1.6.7 Kategori Sekolah



Kajian yang dijalankan ini melibatkan sampel murid Tahun 5 dari tiga jenis sekolah yang berbeza iaitu SK, SJKC dan SJKT dan guru yang mengajar mata pelajaran PJ Tahun 5 di dalam daerah Muar negeri Johor. Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) merupakan lanjutan sekolah vernakular, berasaskan kaum di Malaysia. Jenis sekolah ini terbahagi kepada dua iaitu SJK (Cina) dan SJK (Tamil).

Sekolah Kebangsaan boleh diertikan sebagai sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan yang menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi murid dari umur enam tahun yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama.





Manakala, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ialah sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan yang menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi murid dari umur enam tahun yang menggunakan Bahasa Mandarin sebagai bahasa penghantar utama.

Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil pula ialah sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan yang menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi murid dari umur enam tahun yang menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa penghantar utama.

### 1.7 Rumusan



Sebagai rumusan, bab ini telah menjelaskan secara terperinci mengenai pengenalan, latar belakang kajian seterusnya menjurus kepada tujuan kajian yang dibuat. Penyelidik mendapati belum terdapat instrumen pentaksiran yang standard dan holistik yang digunakan oleh guru PJ di sekolah rendah untuk menilai tahap pencapaian pembelajaran domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaakulan bagi permainan kategori memadam. Oleh yang demikian, timbul persoalan kepada penyelidik bagaimana guru PJ menaksir domain psikomotor, kognitif, afektif dan penaakulan berdasarkan DSKP yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penyelidik telah menggariskan enam objektif kajian yang perlu dicapai sebagai langkah melengkapkan kajian ini. Berdasarkan objektif kajian penyelidik





menentukan enam persoalan kajian yang perlu dianalisis dan dijawab berdasarkan statistik deskriptif dan *Multivariate analisis of variance (Manova)*. Penyelidik juga telah menjelaskan kepentingan-kepentingan kajian untuk mendapatkan perhatian pihak yang terlibat. Limitasi kajian turut dinyatakan supaya penyelidikan yang dijalankan ada batasan dan berkemungkinan terdapat sebarang kesukaran yang bakal dihadapi oleh penyelidik semasa mengutip data penyelidikan daripada responden. Selanjutnya, penyelidik juga menyatakan definisi operasional bagi merujuk beberapa perkataan atau rangkaian kata yang disebut oleh penyelidik dalam penyelidikan yang dilaksanakan.

